




ZULFAQAR International Journal of Defence Management, Social Science & Humanities

Journal homepage: www.zulfaqar.upnm.edu.my



Jepun sebagai Kuasa Maritim Asia Pasifik *Japan as Asia Pacific's Maritime Power*

Noraini Zulkifli*

Jabatan Strategik, Fakulti Pengajian dan Pengurusan Pertahanan, Universiti Pertahanan Nasional Malaysia

*Corresponding author: noraini@upnm.edu.my

ARTICLE INFO

Article history:

Received

27-08-2018

Received in revised

12-04-2019

Accepted

13-06-2019

Available online

30-06-2019

Keywords:

Jepun,

Kuasa maritim,

Maritime Self-Defense
Force,

Asia Pasifik,

Polisi Pertahanan

Japan,

Maritime power,

Maritime Self-Defense
Force,

Asia Pacific,

Defence Policy

e-ISSN:

Type: Article

ABSTRACT

Jepun merupakan sebuah negara yang tidak mempunyai pasukan ketenteraan seperti mana negara lain kerana tertakluk kepada Perjanjian keselamatan dengan Amerika Syarikat pada tahun 1947 (merujuk kepada Artikel 9). Negara tersebut hanya dibenarkan untuk mempunyai Pasukan keselamatan yang dikenali sebagai Self- Defense Force (SDF) di mana pasukan lautnya dikenali sebagai Maritime Self-Defense Force (MSDF). Walaupun begitu pasukan – pasukan ini mempunyai kekuatan dan kemahiran yang setaraf dengan pasukan tentera. Keinginan Jepun untuk menjadi sebuah negara kuasa maritim di Asia Pasifik telah meningkat sejak China mula memodenkan aset serta menambahkan bilangan anggota tentera lautnya. Beberapa pembaharuan dalam pasukan serta polisi telah dilakukan untuk meningkatkan kecekapan selain meluaskan skop penyertaan di peringkat antarabangsa untuk menjadi pemain global. Namun sejauh mana negara Jepun mampu untuk menjadi kuasa maritim di Asia Pasifik setelah beberapa polisi keselamatan diubah sejak tahun 2004. Dengan menggunakan kajian antara tahun 2001- 2015, kajian ini menghujahkan kemampuan Jepun untuk bertindak sebagai pemain global melalui pasukan Maritime Self-Defense Force (MSDF). Kajian ini mempunyai dua objektif, iaitu untuk 1) Analisis Keupayaan Jepun sebagai Kuasa Maritim Asia Pasifik; 2) Analisis Keupayaan Maritime Self-Defense Force (MSDF) sebagai pasukan pertahanan laut Jepun. Dapatan kajian mendapati bahawa Jepun perlu mengatasi faktor domestik seperti masalah kekurangan sumber manusia terlebih dahulu sebelum ia dapat menjadi pemain utama di peringkat Asia Pasifik.

Japan is a country that does not have the military force as other countries as subject to a Security Agreement with the United States in 1947 (refer to Article 9). That country is only allowed to have security forces known as the Self- Defense Force (SDF) and Maritime Self-Defense Force (MSDF) to protect its maritime territories. However, these group having the same strength and capabilities as troops. Japan's desire to be a maritime power in Asia Pasific has increasing after China upgraded its maritime assets and enhanced the naval volume, where its has seems as threat to Japan. Several renewals in the team and policies had been done to enhancing competence, beside that it also to widen the scope of accompaniment in an international area as a global player. But the degree Japan's capable of becoming a maritime power in Asia-Pacific after some security policy changed since 2004. This study has two objectives, namely to 1) analyse the ability of Japan as Asia Pacific's maritime power, 2) analyse the Maritime Self-Defense Force (MSDF). The finding of this study is that, Japan need to overcome the entire domestic factors like the shrinking of population before she can be the main maritime power in Asia Pacific.

© 2019 UPNM Press. All rights reserved.

Pengenalan

Jepun merupakan negara kepulauan yang terletak di bahagian timur, di antara Utara Lautan Pasifik dan Laut Jepun di bahagian timur semenanjung Korea. Ia mempunyai empat pulau utama iaitu Hokkaido, Honshu, Shikoku dan Kyushu. Pulau – pulau ini pula dikelilingi oleh 4000 pulau- pulau kecil (JNTO, 2015). Keluasan negara Jepun adalah 377,915 kilometer (km) persegi dengan garisan pantainya adalah sepanjang 29,751 km. Ia merupakan negara yang kekurangan sumber mineral dan semulajadi (CIA, 2013).

Sejak tahun 2004, Polisi Pertahanan Jepun telah mengalami beberapa perubahan apabila kerajaan meluluskan Doktrin Pertahanan berdasarkan kepada ancaman yang jelas dan nyata¹. Pada Disember, Kerajaan Jepun telah melonggarkan polisi berkaitan dengan pengharaman pengeksporan senjata seterusnya membenarkan pihak industri bekerjasama dengan Amerika Syarikat untuk membangunkan sistem pertahanan peluru berpandu (Berkofsky, 2013). Pada 2014 pula pihak kerajaan telah meluluskan polisi yang dikenali sebagai *“The Three Principles of Transfer of Defense Equipment and Technology”* bagi menggantikan polisi lama berkaitan pengeksporan dan pembangunan senjata (MFAJ, 2014). Pada Julai 2014, Kabinet Jepun (*Diet*) telah meluluskan satu undang- undang baru iaitu *“Development of Seamless Security Legislation to Ensure Japan’s Survival and Protect its People”*, di mana ia membolehkan pasukan keselamatan Jepun menjalani latihan (terkawal) bersama AS dan komuniti antarabangsa lain bagi menyumbang dan memantapkan keselamatan negara².

Analisis Keupayaan Jepun sebagai Kuasa Maritim Asia Pasifik

i. Kepimpinan dan Sumber Manusia


MSDF mempunyai keanggotaan aktif seramai 45,800 orang. Anggota MSDF menjalani kursus asas selama tiga bulan meliputi kursus rondaan, persenjataan, pengurusan periuk api, operasi di laut serta pengangkutan laut (JMOD, 2014). Kadar kelahiran yang sangat rendah di Jepun telah menyebabkan keanggotaan di dalam pasukan keselamatan juga rendah. Selain itu, kebanyakan generasi kini tidak berminat untuk menjadi ahli pasukan keselamatan kerana terdapat peluang pekerjaan yang lebih baik serta mempunyai gaji tinggi (Isezaki, 2014). Oleh itu kerajaan telah mengambil inisiatif dengan mewujudkan anggota simpanan di mana mereka akan menjalankan tugas keselamatan apabila negara memerlukan khidmat mereka. Walaupun pada mulanya ia dilihat seperti paksaan, tetapi polisi ini dapat melahirkan rasa cinta kepada bangsa dan negara.

Kepimpinan merupakan aspek yang penting di dalam merangka sesuatu polisi. Sesebuah pasukan yang mempunyai pemimpin berkelayakan serta berpandangan jauh akan menyebabkan pasukan lebih berdaya saing (Nanjundeswaras & Swamy, 2014). Tidak hanya kebolehan pemerintah yang lantang bersuara untuk memastikan polisi yang lebih optimistik, seorang pemimpin (pegawai) yang berkebolehan juga amat penting bagi meningkatkan motivasi ahli pasukan. Kepimpinan yang mantap akan menyebabkan anggota pasukan bersatu untuk menjadi satu pasukan yang mantap (Sato, 2014). Cabaran dan ancaman pada masa kini lebih kepada aktor bukan negara seperti pelanun dan terorism, ketangkasan dan kebijaksanaan adalah dua faktor yang sangat penting untuk mematahkan serangan pihak lawan (UN, 2015).

ii. Bajet Pertahanan

Jepun merupakan negara yang berpendapatan tinggi di Asia Pasifik selepas China. Walaupun begitu, bajet untuk pertahanan adalah dihadkan kepada satu peratus daripada Keluaran Negara Kasar (KNK) sahaja (JMOD, 2013). Jumlah ini adalah statik dan kerajaan sendiri tidak mempunyai usaha untuk menaikkan peratusan ini. Dari satu sudut, perbelanjaan untuk pertahanan yang kecil adalah bagus kerana negara mempunyai lebih banyak sumber kewangan untuk pembangunan dan pengurusan. Namun di satu sudut yang lain, jumlah yang kecil dari KNK negara ini akan menyebabkan beberapa program tidak dapat dijalankan seperti latihan yang mengambil kira aspek demografi dan aset (Sugai, 2016). Kekurangan pembiayaan menimbulkan kekangan kepada anggota dan staf. Negara- negara yang mempunyai angkatan ketenteraan yang besar dan kuat

seperti AS dan China sendiri telah membelanjakan wang yang banyak untuk membiayai aktiviti-aktiviti pertahanan anggota keselamatan mereka.



Rajah 1: Bajet pertahanan Jepun tahun 2000 hingga 2014

Sumber: Japan Ministry of Defense (2014)

Sumber: MoD (2014)

Rajah 1 menunjukkan pola bajet perbelanjaan pertahanan untuk negara Jepun bagi tahun 2000 sehingga tahun 2014. Terdapat dua pola di dalam bajet pertahanan Jepun iaitu pada tahun 2000-2003, berlaku sedikit peningkatan di dalam bajet. Namun ia mulai menurun pada tahun 2004 sehingga tahun 2012 sebelum ia kembali meningkat pada tahun 2013 dan 2014. Bajet perbelanjaan pertahanan adalah berdasarkan kepada keadaan ekonomi Jepun kerana negara itu hanya menggunakan satu peratus dari Keluaran Negara Kasar (KNK) Negara untuk perbelanjaan keselamatan. Walaupun begitu, disebabkan Jepun merupakan sebuah negara yang berpendapatan tinggi maka nilai satu peratus adalah jauh lebih besar berbanding negara lain di Asia Tenggara.

iii. Teknologi dan Industri Pertahanan

Jepun merupakan antara negara yang mendahului negara lain di dalam teknologi. kecanggihan teknologi Jepun pada hari ini adalah sebaris dengan negara lain seperti Amerika Syarikat, Jerman dan Perancis. Sejak beberapa dekad yang lepas, Jepun telah membangunkan teknologi pertahanannya sendiri dengan bantuan AS. Pada awal pembabitan Jepun di dalam industri pertahanan berasaskan kepada Polisi Pertahanan Nasional yang memberikan kebenaran kepada pemain industri untuk mencipta dan membina kelengkapan pertahanan untuk kegunaan SDF tetapi ia terhad dan proses pembuatannya tidak melibatkan sumber nuklear (Sekiguchi, 2014).

Industri pertahanan di Jepun berbentuk persendirian dan tiada campur tangan pihak kerajaan dari aspek pembangunan, pengeluaran mahupun penyelenggaraan (Sato, 2016). Hal ini bagi memastikan pihak kerajaan tidak membangunkan industri pertahanan untuk mengembalikan kegemilangan Jepun sewaktu sebelum Perang Dunia Kedua³. Selain itu industri pertahanan Jepun adalah berskala kecil dan rendah iaitu hanya 0.6 peratus daripada jumlah perindustrian. Ini bersangkutan dengan polisi eksport Jepun yang menghalang Jepun daripada mengeksport alatan pertahanan separuh siap mahupun siap berskala besar ke luar negara⁴. Lance Gatling, Presiden sebuah Syarikat Konsultan Pertahanan, Nexial Research, berpendapat polisi tersebut telah menyebabkan industri pertahanan Jepun hanya boleh menghasilkan aset ketenteraan yang sedikit tetapi dengan kos pengeluaran yang tinggi (Einhorn & Philips, 2014).

Pada 2011, Shinzo Abe telah mengumumkan "*criteria regarding overseas transfers of defense equipment*" di mana kerajaan melonggarkan syarat untuk membolehkan firma yang terlibat di dalam industri pembuatan barangan pertahanan menyertai aktiviti membangun dan menghasilkan senjata dengan AS dan negara Eropah. Selain itu negara terbabit dibenarkan menyalurkan senjata untuk misi kemanusiaan seperti pengaman di bawah Persatuan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB). Sebanyak 1,300 buah firma yang terlibat di dalam mengeluarkan kereta kebal dan kenderaan tentera; 1,100 firma pula telah mengeluarkan alat ganti dan bahagian untuk pesawat pejuang F-15J; manakala 2,200 firma telah menyertai industri pembuatan kapal (Johnston, 2014).

Antara syarikat yang penting di dalam industri ini adalah Mitsubishi Heavy Industries, Sumitomo dan Kawasaki Heavy Industries. Kawasaki Heavy Industries Ltd sebagai contoh telah berjaya membina sebuah kapal selam pertamanya Soryu class (16SS) pada tahun 2005 (Kawasaki Heavy Industries Ltd, 2014). Industri pertahanan adalah penting bagi Jepun walaupun ia adalah berskala kecil kerana kemampuan untuk membina teknologi terutama untuk keadaan terdesak sangat penting. Rentetan daripada perlonggaran syarat tersebut, Shinzo Abe dan Perdana Menteri Australia, Tony Abbott telah menandatangani perjanjian untuk membangunkan kapal selam bersama (Pfanner, 2014). Di pihak Jepun Mitsubishi Heavy dan Kawasaki Heavy Industries Ltd telah diberi kontrak untuk perkongsian teknologi tersebut. Namun walaupun di bawah polisi baru, firma- firma Jepun telah dihalang dan dihadkan daripada terlibat di dalam konflik antarabangsa (Tang, 2007).

iv. Kerjasama Pertahanan

Kerjasama pertahanan merujuk kepada perikatan ataupun perjanjian yang telah ditandatangani oleh Jepun dengan mana- mana negara yang mempunyai kepentingan strategik yang sama. Amerika, Australia dan India merupakan tiga negara yang mempunyai kerjasama strategik dan pertahanan penting bagi Jepun⁵.

a. Amerika Syarikat (AS)

Perjanjian pertahanan antara Jepun dan AS telah bermula setelah tamat Perang Dunia kedua setelah Jepun menyerah kalah di dalam perang itu. Pada tahun 1947, perjanjian pertama telah ditandatangani dikenali sebagai Perlembagaan Jepun 1947 di mana negara dan rakyat Jepun dilarang selamanya untuk mengisytiharkan perang serta menggunakan aktor kekerasan bagi menyelesaikan pertikaian antarabangsa. Pada tahun 1954, selepas pasukan Japan Self- Defense Force ditubuhkan, Jepun mula melakukan kerjasama pertahanan secara strategik dengan AS. Ini kerana Kerajaan Jepun masih terikat dengan Artikel 9, perlembagaan Jepun 1947 yang tidak membenarkan Jepun dan rakyatnya terlibat di dalam aktiviti yang melibatkan pembinaan aktiviti ketenteraan⁶. Sejak tahun itu, Jepun dan AS telah melakukan kerjasama pertahanan secara bersama. Pasukan *Self Defense Force* (SDF) yang ditubuhkan pada tahun 1954 untuk membantu rakyat sendiri daripada ancaman dalaman seperti bencana telah membolehkan tiga sayap utama iaitu Pasukan darat (GSDF), laut (MSDF) dan udara (ASDF) ditubuhkan. Merujuk kepada “Kerjasama Bersama Keselamatan 1960”, Jepun dan AS telah bersetuju untuk AS meletakkan aset dan pasukan tenteranya di Jepun. Disebabkan perjanjian ini, Jepun perlu menanggung beberapa kos perbelanjaan dan pengurusan pengkalan serta anggota. Pada masa ini kerajaan Jepun perlu menanggung 65% daripada kos operasi AS di Okinawa (Chanlett-Avery, 2011)⁷. Sebagai timbal balas, AS telah berjanji akan menjamin keselamatan Jepun dari ancaman luar.

AS banyak mencorakkan polisi pertahanan Jepun sejak tahun 1947 sehingga sekarang. Di peringkat awal, AS membantah sebarang penglibatan Jepun di dalam aktiviti membina aset pertahanan dan aktiviti pasukan *Self Defense* dihadkan kepada aktiviti di dalam negara sahaja, namun kini AS dilihat telah melonggarkan sedikit polisi pertahanan mereka terhadap Jepun (Sato, 2014). Sebagai rakan sekutu rapat dan faktor ancaman daripada China yang semakin meningkat, AS telah mempersetujui beberapa pembaharuan di dalam polisi pertahanan Jepun.

Kerjasama Jepun dan AS di dalam kajian bersama pertahanan terutama berkaitan peluru berpandu balistik (BMD) telah dijalankan sejak awal bermula pada tahun 1999, apabila Jepun bersetuju untuk menjalankan kajian bersama berkenaan empat komponen penggalang peluru berpandu untuk tentera laut AS - *Navy Theater-Wide* (NTW)⁸. Rasional kerjasama membangunkan senjata bersama AS adalah sebagai sekutu rapat AS di Asia, Jepun perlu memberikan sokongan penuh kepada AS (Cronin, 2002). Perdana menteri Koizumi pada 2003 telah mengumumkan bahawa sistem ini akan diguna pakai di Bandar-Bandar utama Jepun bermula tahun 2007 dengan kos keseluruhan mencapai USD 10 bilion (Manyin et al., 2005). Selain daripada bekerjasama rapat dengan AS berkaitan dengan industri pertahanan, MSDF juga mempunyai hubungan rapat dengan pasukan tentera laut

AS di mana kepakaran dan setiap aktiviti yang dilaksanakan di dalam MSDF adalah diambil dari pasukan tentera laut AS. Ini menyebabkan setiap atur cara kerja pasukan MSDF mirip negara itu.

b. India

Deklarasi Bersama Jepun- India berkaitan keselamatan telah diadakan secara rasmi pada tahun 2001, iaitu "*Comprehensive Security Dialogue*" di mana perbincangan meliputi aspek keselamatan dan pertahanan seperti non- proliferation dan perundingan ketenteraan (*military to military talk*)⁹. Hubungan pertahanan maritim Jepun - India bermula pada tahun 2008 apabila kedua- dua pemimpin negara telah menandatangani "*the Joint Declaration on Security Cooperation between Japan and India*"¹⁰. Deklarasi ini telah membolehkan MSDF menyertai India dan AS untuk latihan bersama "Malabar 2009" (Pandit 2014)¹¹. Menteri Pertahanan India, telah melawat rakan sejawatannya di Jepun pada tahun 2011 dan keduanya bersetuju untuk meningkatkan hubungan bilateral dan meluaskan kerjasama di bidang maritim merangkumi aspek keselamatan dan kebebasan di dalam pelayaran (JMOD, 2014). Jepun dan India telah mengadakan dialog pertama berkaitan hal ehwal maritim pada tahun 2013 di New Delhi. Antara perkara yang telah dibincangkan di dalam dialog tersebut adalah isu kepentingan bersama, keselamatan maritim, ancaman terorism, kepelbagaian biodiversiti, kerjasama perkapalan, teknologi sains marin dan kerjasama di dalam beberapa multilateral forum lain (India Navy, 2013).

Jepun dan India telah mengukuhkan kerjasama pertahanan kerana keduanya berhadapan dengan musuh yang sama iaitu China (Choudhry, 2013). Malah Perdana Menteri India sangat mengalu-alukan pemindahan teknologi ketenteraan Jepun ke India (India Press, 2014). Timbal balas daripada kerjasama ini adalah dialog kedua berkaitan hal ehwal maritim telah diadakan di Tokyo pada 2014. Jepun melihat kerjasama pertahanan dengan India sebagai kuasa yang boleh mengimbangi kebangkitan China (<http://www.icrier.org/pdf/satojapan.pdf>).

c. Australia

Joint Declaration on Security Cooperation pada tahun 2007 merupakan perjanjian antara Jepun dan Australia sepertimana yang dilakukan dengan India¹². Ia merupakan perjanjian strategik dua Negara berkenaan isu keselamatan dan pertahanan bersama. Rentetan dari kerjasama itu, pada tahun berikutnya, perbincangan berkenaan *Japan-Australia Information Security Agreement (ISA)* telah dijalankan bagi menggalakkan kedua- dua negara bertukar maklumat keselamatan. Perjanjian ini telah ditandatangani pada tahun 2012 setelah penelitian akhir telah dibuat oleh kedua- dua pihak dan berkuatkuasa pada 2013¹³.


Perjanjian kali kedua *Joint Declaration on Security Cooperation* telah dilakukan pada tahun 2010. Intipati perjanjian yang dipersetujui untuk berkongsi maklumat berkenaan maritim terutama di Asia Pasifik. Selain itu kerjasama adalah untuk meningkatkan kebolehan pasukan keselamatan masing- masing seperti pertukaran pegawai, latihan latihan serta mengkoordinasi aktiviti berkaitan operasi pengaman, pembangunan kapasiti dan penguatkuasaan undang-undang. Pada 2012, Jepun dan Australia telah mengesahkan satu visi baru yang dikenali sebagai "*Common Vision and Objectives*" (*Vision Statement*). Dengan persetujuan kedua pihak, satu bidang kerjasama baru akan dilaksanakan sementara kerjasama sebelum ini akan terus dilakukan dengan lebih efektif (Ishihara, 2014).

Pada April 2014, Jepun telah menandatangani perjanjian kelengkapan pertahanan Defence Equipment Agreement dengan Australia. Ini membolehkan kedua negara menjalankan kajian bersama untuk membangunkan kapal selam dan kelengkapan maritim lain (Cook, 2014). Ini merupakan perjanjian kali ketiga antara dua negara berkaitan isu pertahanan.

Maritime Self-Defense Force (MSDF)

Maritime Self-Defense Force merupakan pasukan separa tentera yang ditubuhkan di bawah *Japan Self-Defense* mengikut undang- undang Pasukan *Self-Defense* 1954 bagi mengawasi keselamatan maritim negara Jepun. Pasukan ini telah ditubuhkan selepas Jepun dilarang untuk mempunyai pasukan tentera sama ada darat, laut mahupun udara. Namun negara Jepun dibenarkan untuk mempunyai pasukan separa tentera bagi melindungi negara sendiri daripada ancaman seperti gempa bumi dan banjir. MSDF diiktiraf sebagai orang awam dan bukan anggota tentera yang terikat dengan Undang- undang Tentera dan Undang- Undang kerahsiaan Ketenteraan. MSDF merupakan pasukan yang ditugaskan untuk menjaga perairan maritim Jepun dari apa- apa ancaman¹⁴. Keanggotaan terkini pasukan ini pada tahun 2014 adalah seramai 45,800 orang (JMOD, 2015). Tugas pasukan ini adalah sama seperti pasukan tentera laut di mana misi menyelamat serta menjaga keselamatan negara menjadi misi penting pasukan.

Keadaan keselamatan global kini boleh dibahagikan kepada tiga kategori iaitu serangan terorism, serangan menggunakan senjata nuklear-biologi-kimia (*NBC Weapons*) dan kemusnahan berskala besar (seperti bencana alam dan kesan peperangan). Dua objektif utama pasukan MSDF di bawah *Self-Defense Force (SDF)* adalah untuk menyediakan medium efektif cegah lintang serta bertindakbalas terhadap pelbagai situasi keselamatan yang semakin mencabar dan menyokong kepada kestabilan Asia- Pasifik serta meningkatkan aspek keselamatan persekitaran global iaitu proaktif terhadap misi kemanusiaan global, terlibat di dalam misi anti- pelanunan (Digest, 2013).



Sumber: Diubahsuai daripada <http://www.mod.go.jp/msdf/formal/english/defense/shuhen/index.html>

Rajah 2: Organisasi MSDF 2014

Rajah 2 menunjukkan organisasi MSDF tahun 2014. Pasukan MSDF diperintah oleh seorang ketua staf maritim yang berpangkalan di pejabat staf maritim yang beribu pejabat di Tokyo. Pangkalan utama MSDF adalah di Yokosuka di mana pusat latihan maritim juga berada di kawasan berkenaan. Wilayah maritim Jepun dibahagikan kepada lima daerah iaitu Ominato, Maizuru, Yokosuka, Kure, and Sasebo. Anggota baru MSDF akan direkrut di pusat latihan MSDF di Yokosuka. Pasukan MSDF mempunyai tiga unit utama iaitu pengiring, udara dan kapal selam. Unit pengiring merangkumi anggota yang terlibat di dalam skop rondaan, perubatan dan kejuruteraan. Unit udara adalah unit yang skop bidang kerjanya meliputi helikopter dan pesawat pejuang. Manakala unit kapal selam akan menfokuskan kepada skop tugas yang berkaitan dengan kapal selam.



Peta 2: Pengkalan Utama MSDF di Jepun
Sumber: Japan Ministry of Defense (2014)

Peta 2 menunjukkan pengkalan utama MSDF mengikut wilayah maritime iaitu di daerah Kure, Yokosuka, Ominato, Maizuru dan Sasebo dimana ia akan diperintah oleh seorang pegawai pemerintah berpangkat Laksamana. Setiap ibu pejabat wilayah maritim MSDF akan mempunyai semua aset yang dimiliki oleh MSDF tetapi jumlahnya berbeza. Hanya *aircraft carrier* sahaja tidak diletakkan di semua wilayah maritim MSDF kerana dua berada di Yokosuka dan satu di Kure. Pada tahun 2007, sebuah *aircraft carrier* jenis 'JDS Hyuga' (DDH181), telah dilancarkan dan operasinya bermula pada Mac 2009 di pengkalan Yokosuka. *Aircraft carrier* kedua JDS Ise (DDH182) telah dilancarkan pada tahun 2008 dan mula beroperasi pada Mac 2011, berpangkalan di Kure. Manakala *aircraft carrier* ketiga, JS Izumo (DDH-183) pula telah dilancarkan pada Januari 2012 dan beroperasi pada Ogos 2013. Ia berpangkalan di Yokohama. Di setiap wilayah maritim juga, terdapat pengkalan udara MSDF iaitu di Hachinohe, Ominato, Simofusa, Tateyama, Atsugi, Komatsujima, Tokushima, Iwakuni, Ozuki, Omura, Kanoya, Naha.

Jadual 1: Aset Pertahanan National Maritime Self-Defense Force
(Tahun 2004, 2010 dan 2014)

KATEGORI	2004 NDPG	2010 NDPG	2014 NDPG
Unit			
Destroyer(Mobile Operation)	4 Flotillas	4 Flotillas	4 Flotillas
Destroyer (Regional District)	(8 Div)	(8 Div)	(8 Div)
Submarine	5 Division	4 Division	5 Division
Minesweeper	4 Division	6 Division	5 Division
Patrol Aircraft	1 Flotilla	1 Flotilla	1 Flotilla
	9 Squadrons	9 Squadrons	9 Squadrons
Kelengkapan Utama			
Destroyers	47	48	47
Submarine	16	22	16
Combat Aircraft	150 Squadron	150 Squadron	170 Squadron
Aircraft Carrier	1	2	3

*Jumlah aset yang ditunjukkan berstatus 'aktif' manakala aset yang masih diselenggara adalah tidak dimasukkan termasuk Ballistic Missile Defense/ Theater Missile Defense (BMD/TMD)


**Sumber: Diubahsuai daripada National Defense Program Guide (NDPG)¹⁵,
 Japan Ministry of Defense (2004, 2010 & 2014)**

Jadual 1 merupakan aset yang dimiliki oleh MSDF tahun 2004 sehingga 2014 (mengikut jumlah yang disenaraikan JMOD tahun 2010 dan 2014). Terdapat pengurangan aset iaitu *Regional District Destroyer Unit* pada tahun 2010 berbanding 2004 dan *Submarine* pada tahun 2014 berbanding 2010. Ini kerana aset tersebut di dalam proses penyelenggaraan. Penambahan *Submarine* adalah lebih ketara iaitu

sebanyak enam buah. Ini menunjukkan bahawa pasukan MSDF telah bersungguh-sungguh di dalam meningkatkan tahap keselamatan maritim negaranya. Selain itu disebabkan sempadan maritim Jepun sangat luas iaitu kira-kira 33,889 km, *Patrol Aircraft Units* digunakan bagi meningkatkan pemantauan dari udara.

MSDF telah mengalami banyak perubahan di mana ia tidak lagi menjadi pasukan yang terlibat di dalam aktiviti dan misi di kawasan pesisir sahaja tetapi telah meluaskan penglibatannya ke peringkat global. Contohnya pada Mac 2009, MSDF membawa dua kapal (*destroyers*) untuk mengiringi kapal dagang Jepun dari Teluk Aden dibawah Akta Keselamatan Maritim¹⁶. Teknologi dan kemampuan pasukan ini juga dipertingkatkan dengan penglibatan industri pertahanan yang menjalankan kajian serta membina prototaip baru untuk menghasilkan senjata, kenderaan, kapal dan juga kapal terbang yang sesuai untuk misi kemanusiaan mahupun pertahanan. Penglibatan MSDF secara aktif di peringkat global telah menyebabkan pasukan itu diiktiraf sebagai lima pasukan angkatan laut terbaik dunia (Mizokami, 2014). Penyenaaraian ini berdasarkan kepada jumlah aset yang dimiliki, kecanggihan teknologi serta tahap kesiap- siagaan pasukan untuk menerima misi.

Jepun sebagai kuasa Maritim Asia Pasifik?



Rajah 3: Rumusan terhadap analisis Negara Jepun
Sumber: Penyelidik

Menjadi sebuah Negara yang kuat dan mantap bukanlah perkara yang mudah dan mampu dicapai oleh semua negara. Di dalam kes Jepun, terdapat empat faktor yang telah disenaraikan bagi mengenalpasti adakah Jepun mampu menjadi sebuah negara kuasa maritim utama di Asia Pasifik iaitu sumber manusia, ekonomi, teknologi dan kerjasama pertahanan. Jepun mengalami sedikit masalah berkaitan faktor sumber manusia dan ekonomi. Rakyat Jepun mengalami peningkatan usia dan kadar kelahiran yang sedikit telah menyebabkan tenaga muda yang boleh diharapkan untuk menyertai angkatan SDF berkurangan. Pada tahun 2005, kadar kelahiran adalah 0.1 peratus manakala pada tahun 2008, kadar kelahiran adalah -0.1 peratus sebelum menjadi -0.2 pada tahun 2011 (OCDE, 2014)¹⁷. Rakyat Jepun lebih berminat untuk memilih bidang kerja yang mempunyai gaji tinggi dan suasana kerja yang lebih menarik.

Selepas berakhirnya perang dunia kedua, rakyat Jepun telah berusaha mengeluarkan diri mereka dari kemusnahan besar akibat pengeboman oleh pihak AS. Pembangunan telah ditumpukan kepada pertumbuhan teknologi dimana 50 tahun selepas kejadian tersebut, Jepun telah membangun menjadi negara yang maju di dalam bidang teknologi. Rakyat Jepun juga sudah tidak mahu terlibat secara aktif di dalam aktiviti yang melibatkan ketenteraan kerana tragedi pengeboman di Hiroshima dan Nagasaki masih menjadi kisah duka sehingga ke hari ini (Kenji, 2014).

Dari aspek ekonomi, walaupun Jepun merupakan antara negara yang berpendapatan tinggi di dunia namun hanya satu peratus dari pendapatan negara kasarnya boleh digunakan untuk pertahanan. Untuk menjadi sebuah negara kuasa maritim yang tinggi, seharusnya Jepun mempunyai aset yang terkini dan canggih. Namun ia tidak akan dapat direalisasikan jika pasukan MSDF tidak diberikan bajet yang cukup untuk mendapatkan aset- aset tersebut. Selain itu berdasarkan kepada NDPG tahun 2010, Kerajaan telah mengstrukturkan semula semua pasukan di dalam SDF. Ini menyebabkan kos yang tinggi bagi menempatkan pasukan serta aset di tempat baru kerana kos pengurusan dan penyelenggaraan perlu

dibiayai oleh kerajaan. Ini menyebabkan kos penyelidikan dan pembangunan menjadi terhad. Selain itu, Jepun juga perlu membiayai kos pengurusan dan penyelenggaraan pihak AS yang berpangkalan di negaranya sebanyak 65 peratus setahun. Jumlah ini membebankan Jepun kerana sebagai sebuah negara yang berdaulat, Jepun tidak perlu berada di bawah telunjuk AS. Malah negara itu tidak perlu untuk menanggung kos terbabit kerana walaupun kehadiran AS di Jepun adalah untuk menjamin keselamatan negara itu dari ancaman, namun penglibatan AS di Jepun juga adalah kerana AS sendiri mempunyai kepentingan nasionalnya di Asia.

Dari aspek teknologi, walaupun Jepun merupakan negara yang maju di dalam bidang industri, namun untuk industri pertahanan mereka masih mengalami kekangan kerana terdapat polisi eksport yang telah tidak membenarkan pihak industri untuk menghasil, mengeluarkan dan mengeksport kelengkapan persenjataan kepada pihak luar secara banyak (rujuk Teknologi dan Industri Pertahanan). Jepun telah bekerjasama dengan beberapa negara seperti AS dan Australia untuk menjalankan kajian dan pembangunan bersama terhadap industri ketenteraan, namun ia telah menghalang Jepun dari terlibat secara menyeluruh. Polisi pertahanan Jepun yang telah dirangka dan diluluskan adalah berdasarkan kepada hasil persetujuan AS sendiri iaitu sebelum pembangunan industri ketenteraan ini giat dijalankan. Jika Jepun ingin membangunkan teknologi ketenteraannya, Jepun perlu mengubah polisinya terhadap beberapa aspek seperti kuota untuk membangunkan industri pertahanan dan nilai minimum pengkesportan senjata. Dua aspek ini sebenarnya telah menghalang Jepun dari menjalankan kajian dan terlibat secara aktif di dalam membangunkan teknologi ketenteraan.

Aspek terakhir adalah kerjasama pertahanan antara Jepun dan beberapa negara yang dianggap rakan pertahanan strategik. Negara tersebut adalah AS, India dan Australia. Keempat-empat negara ini mempunyai kepentingan satu sama lain kerana faktor kebangkitan kuasa maritim China telah memberikan impak keselamatan kepada mereka. Ini kerana keempat-empat negara melihat China sebagai pesaing dan pencabar dari aspek ekonomi dan ketenteraan. Peningkatan bajet pertahanan dan keseriusan China di dalam membangunkan industri pertahanan telah menyebabkan empat negara tersebut melakukan perikatan untuk mengimbangi kebangkitan tersebut.

Bagi Jepun, AS sebagai rakan sekutu dengan aset serta kepakaran yang tinggi sangat penting supaya teknologi itu dapat membantu untuk mengelakkan serangan dari masa hadapan jika berlaku kemungkinan pertempuran. India sebagai sebuah negara yang besar dan saiznya adalah hampir sama dengan China memberikan kelebihan dari aspek sumber manusia. Manakala kerjasama dengan Australia untuk kajian terhadap aset ketenteraan akan memberikan kelebihan kepada Jepun untuk meningkatkan kemahiran di dalam pembangunan industri itu. Keempat-empat negara juga telah terlibat secara bersama untuk beberapa siri latihan dan pembinaan kapasiti secara bersama. Persepakatan yang dibina ini bagi mengukuhkan hubungan sesama anggota serta di peringkat tinggi (antarabangsa) ia boleh mengukuhkan hubungan diplomatik bersama. Malah kerjasama yang menggunakan prinsip "*collective self-defense*" (Artikel 51, Piagam PBB) ini dilihat digunakan oleh Jepun bagi membolehkan ia mempunyai rakan sekutu jika keadaan kecemasan berlaku¹⁸.

Polisi pertahanan Jepun perlu dikaji semula jika Jepun ingin menjadi kuasa maritim di Asia Pasifik supaya ia seiring dengan aspirasi kerajaan pada masa ini. Keinginan kerajaan terutama di bawah pemerintahan Abe lebih agresif berbanding perdana menteri lain. Abe lebih senang dan sangat kuat dalam menjalankan polisi luar. Sebagai contoh Abe cuba mengukuhkan ikatan keselamatan di Asia Pasifik dengan menambahkan rakan sekutu sebanyak mungkin. Polisi berkaitan SDF juga perlu dikaji semula kerana pada ketika ini pasukan MSDF tidak dibenarkan untuk menjalankan misi-misi ketenteraan tetapi hanya terhad kepada misi kemanusiaan dan yang berkaitan dengan menjaga kepentingan trafik dari ancaman jenayah maritim. Satu isu boleh dipertikaikan adalah jika sesebuah pasukan itu ingin menjadi pasukan yang mantap dan kuat, malah sebagai negara kuasa maritim, bagaimana ia ingin berhadapan dengan aktiviti terrorism atau ancaman jenayah maritim sedangkan pasukan terbabit masih lagi terikat dengan polisi negara yang tidak membenarkan pasukan itu bertindak.

Jepun boleh menjadi negara kuasa maritim jika Jepun mengubahsuai polisi keselamatan yang telah dipraktikkan selama ini dengan polisi baru yang lebih realistik dan bertepatan dengan keadaan sistemik antarabangsa pada masa kini. Jepun perlu mempunyai pasukan tentera laut sendiri dan bukan lagi MSDF kerana MSDF mempunyai kekangan tersendiri dalam menjalankan tugasnya. Kebanyakan misi dan kerjasama yang dilakukan oleh MSDF lebih kepada aktiviti kemanusiaan. MSDF dilarang untuk

melibatkan diri dalam banyak aktiviti yang dibimbangi akan menyebabkan ia diklasifikasi sebagai “*use of force*”. Sudah tentu limitasi yang termaktub di dalam polisi pertahanan ini menyukarkan pasukan MSDF untuk mengkategorikan aktiviti mereka kerana dibimbangi akan menyebabkan pasukan mereka melanggar undang-undang yang telah ditetapkan oleh negara.

Jepun juga perlu menghapuskan undang-undang yang tertakluk di dalam Artikel 9, Perlembagaan Negara 1947. Ini kerana undang-undang tersebut telah menghalang negara Jepun dari mempunyai angkatan tentera normal seperti negara lain. Ia juga menghalang Jepun dari menjalankan kajian dan pembangunan terhadap industri pertahanan. Jika perlembagaan ini berjaya dihapuskan, maka polisi lain seperti pembangunan industri pertahanan dan larangan mengeksport senjata juga dapat dihapuskan. Walaupun Artikel 9 diwartakan demi menjamin keselamatan sistemik antarabangsa, namun polisi itu boleh dianggap sudah lapuk dan tidak relevan untuk dipraktikkan pada masa sekarang. Sebagai sebuah negara yang berdaulat, seharusnya Jepun diberikan haknya sebagai sebuah negara untuk melindungi kedaulatan perairan dan negara dari sebarang ancaman.

Jepun tidak boleh terlalu bergantung kepada jaminan AS untuk mempertahankannya di masa kecemasan kerana jika dalam masa yang sama AS juga sedang menghadapi masalah dalam negara, apakah yang boleh dilakukan oleh Jepun untuk mempertahankan kedaulatannya sendiri. Kebergantungan terhadap AS juga telah membebaskan Jepun dari aspek kewangan kerana Jepun terpaksa membayar kos yang tinggi untuk AS tetap berada di negaranya. Jika perjanjian keselamatan Jepun-AS dapat dihapuskan, kebarangkalian Jepun untuk menjadi kuasa maritim adalah tinggi. Ini kerana dengan terhapusnya perjanjian keselamatan tersebut, Jepun boleh mempunyai pasukan tentera laut dan mengatur strategi pertahanan sendiri tanpa perlu ada campur tangan dari pihak lain.

Kerjasama keselamatan bagi mencari rakan sekutu merupakan tindakan yang sangat baik supaya bantuan dapat diterima jika negara diserang. Selain itu kerjasama sebegini akan memudahkan Jepun untuk mendapatkan bekalan jika melakukan misi pada jarak yang jauh dari negaranya. Contohnya pada tahun 2009 keempat-empat negara telah menjalani latihan bersama di Lautan Hindi yang dikenali sebagai “Malabar 2009”. Latihan ini diadakan bagi meningkatkan kecekapan anggota di dalam menjalankan tugas dan misi menyelamatkan dan kemanusiaan. Namun terdapat kerjasama yang perlu dikaji semula demi mengelakkan negara dipergunakan oleh negara lain. Sebagai contoh, apabila Jepun membenarkan AS untuk mempunyai pengkalan di Okinawa, secara tidak langsung ia telah mengganggu ketenteraman awam penduduk kerana berlaku pencemaran dan struktur mukabumi juga telah diubah.

Selain itu, Kerajaan Jepun juga perlu mengubah polisi berkaitan bajet pertahanannya dimana pada masa ini hanya satu peratus sahaja digunakan untuk pertahanan. Kerajaan Jepun perlu menambah sedikit bajet itu kerana jika AS sudah tidak berada di Jepun, maka akan berlaku penstruturan semula anggota keselamatan dan ia pastinya memerlukan kos yang tinggi. Selain itu kos untuk menjalankan kajian dan pembangunan perlu ditambah. Kemudahan serta kos yang mencukupi akan menyebabkan sesuatu kajian dapat dilaksanakan dengan lebih teratur dan efektif.

Kesimpulan

Untuk menjadi sesebuah negara yang bertindak sebagai pemain global, sesebuah negara perlu mempunyai beberapa karekteristik seperti kemajuan dalam teknologi, polisi yang efektif, sumber manusia dan rakan sekutu penting bagi mendapatkan sokongan dari rakyat. Namun apa yang lebih utama adalah sikap kepimpinan seseorang pemimpin akan menentukan bagaimana sesebuah negara itu akan dibentuk. Seorang pemimpin yang agresif dan berpandangan jauh akan memikirkan satu bentuk polisi dan dasar pertahanan yang mampu untuk melindungi kepentingan nasional negara dan rakyatnya. Penyesuaian terhadap polisi sedia ada sangat penting kepada Kerajaan Jepun di dalam merangka polisi pertahanan negara kerana sebelum ini, negara ini terikat dengan Perjanjian Keselamatan 1947. Ini menyebabkan Jepun terpaksa bergantung kepada rakan sekutunya terutama AS di dalam membentuk polisi pertahanan. Keadaan ini menimbulkan kerisauan kepada Jepun kerana jika berlaku kemungkinan AS sedang menghadapi krisis dan tidak memberikan perlindungan keselamatan kepada rakyat Jepun, ini akan menyebabkan rakyat Jepun berhadapan dengan ancaman. Di sebabkan itu, di dalam polisi-polisi keselamatan Jepun terutama bermula tahun 2004, penekanan terhadap jaringan persefahaman peringkat antarabangsa telah dirangka bagi mencari rakan sekutu. Secara tidak langsung jika berlaku ancaman

keselamatan kepada rakyat dan negaranya, Jepun masih boleh meminta bantuan dari negara lain. Seperti negara- negara lain, Jepun mementingkan elemen kepentingan nasional di dalam polisi yang dirangkanya. Dari aspek maritim, Jepun memandang serius kedaulatan wilayahnya dari dicerobohi oleh negara lain terutama negara yang mempunyai persempadanan maritim dan wilayah bertindih seperti China dan Korea. Selain itu, faktor ancaman luar yang boleh mengganggu gugat negaranya seperti terrorism diambil kira kerana soal keselamatan rakyat serta wilayah adalah keutamaan bagi kerajaan.

Nota Hujung

1. *Explicit Threat-Based Defense Doctrine- "new threats and diverse situations" that the SDF should address (1) ballistic missile attacks; (2) guerilla and special operations forces attacks; (3) invasion of Japan's offshore islands; (4) patrol and surveillance in the sea and airspace surrounding Japan, and violation of Japan's airspace and the intrusion of armed special-purpose ships and other similar vessels; and (5) large-scale and/or special type (nuclear, biological, chemical, and radiological) disasters. Although the "Basic Defense Force" concept was again preserved, the new guidelines stipulated that the SDF should become "multifunctional," "flexible," and "effective." (CSIS 2015).*
2. *Basic Policy for the Development of New Security Legislation-
http://www.mod.go.jp/e/publ/w_paper/pdf/2014/DOJ2014_2-1-3_1st_0730.pdf*
3. *Three Principles on Arms Export (2010) - future to guide the easing of Japan's weapons export ban: 1. Export of weapons is limited to peace-building and humanitarian missions; 2. Joint development projects are to be limited to partners in the US and NATO member states and 3. Standards to prevent the transfer of defense technologies to countries other than US and NATO member states will be established.*
4. Jepun merupakan kuasa imperialis yang utama di Asia pada Perang Dunia ke-2.Keupayaan pasukan tentera lautnya adalah sangat kuat dan mantap sehingga berjaya mengebom Pearl Harbor pada tahun 1941- salah satu kawasan utama pertahanan AS suatu masa itu.
5. Beberapa negara lain yang mempunyai kerjasama strategik keselamatan (maritim) dengan Jepun seperti Sri Lanka, Vietnam dan Filipina adalah tidak dibincangkan di dalam bab ini kerana negara- negara tersebut diklasifikasikan sebagai negara yang kecil dan tidak mempunyai pasukan tentera laut yang besar dan kuat berdasarkan kepada jumlah aset yang dimiliki serta kesiap- siagaan pasukan di dalam menghadapi misi kecemasan.
6. *"Aspiring sincerely to an international peace based on order, the Japanese people forever renounce war as a sovereign right of the nation and the threat or use of force as means of settling international disputes. In order to accomplish the aim of the preceding paragraph, land, sea and air forces, as well as other war potential, will never be maintained. The right of belligerency of the state will not be recognized." (Article 9, The Constitution of Japan, 1947).*
7. *Article 1, Agreement between Japan and the United States of America concerning new special measures relating to article 24 of the agreement under article 6 of the treaty of mutual cooperation and security between Japan and the United States of America, regarding facilities and areas and the status of United States armed forces in Japan. Under the Treaty of Mutual Cooperation and Security, about 53,000 U.S. troops are stationed in Japan and have the exclusive use of 89 facilities (www.mod.go.jp/j/approach/zaiibeigun/us_keihi/keihi.html).*
8. Ia merupakan projek selama 6 tahun untuk Sistem Anti-peluru berpandu - a sea-based "upper tier" (exo-atmospheric) yang mempunyai keupayaan untuk menangkis keupayaan peluru berpandu jarak dekat dan sederhana sehingga mencapai 3,500 kilometers.
9. Sebelum deklarasi kerjasamadi tandatangani, Jepun dan India telah saling berhubung dan lawatan ke atas angkatan pasukan keselamatan masing- masing telah dilakukan. Beberapa

perkara berkaitan dengan kepentingan keselamatan maritim juga telah dibincang sejak tahun 2001. Tetapi tiada perjanjian ditandatangani berkaitan hal ehwal maritim secara rasmi.

10. *Joint Statement on Japan-India Partnership in a New Asian Era: Strategic Orientation of Japan-India Global Partnership-MOFA 2001.*
11. *Exercise Malabar is a multilateral naval exercise involving India and other friendly countries. The annual MALABAR series began in 1992, and includes diverse activities, ranging from fighter combat operations from aircraft carriers, through Maritime Interdiction Operations Exercises.* (http://www.indembassytokyogov.in/defecen_cooperation.html)
12. Kerjasama strategik keselamatan Jepun-Australia adalah berdasarkan kepada nilai-nilai demokrasi, komitmen terhadap hak asasi, kebebasan terhadap undang-undang, berkongsi kepentingan keselamatan, kepercayaan dan nilai persahabatan (<http://www.mofa.go.jp/region/asiapaci/australia/joint0703.html>)
13. [Australia/2plus2joint08.html](http://www.mofa.go.jp/region/2plus2/joint08.html)>.17 Ministry of Foreign Affairs of Japan, "Entry into force of the Japan-Australia Information Security Agreement (ISA)," Press Release, March 2013 http://www.mofa.go.jp/press/release/press6e_000011.html
14. *Japan Coast Guard* merupakan pasukan yang mempunyai tugas menjaga perairan Jepun (sehingga 12 batu nautika). Manakala pasukan MSDF ditugaskan untuk menjaga perairan laut lepas Jepun serta terlibat dalam misi bantuan kemanusiaan lain (yang melibatkan aset maritim)
15. *Defense Program Guide (NDPG)* tahun 2004, 2010 dan 2014 merupakan polisi terkini yang digunakan oleh Jepun dan ia telah dirangka oleh National Security Council (NSC) berdasarkan kepada National Security Strategy (NSS). NSS dirangka bagi sebagai tindak balas terhadap isu diplomatik dan keselamatan nasional. Polisi ini dilaksanakan bagi menguruskan kelangsungan negara berdasarkan kepada kepentingan nasional jangka panjang (JMOD, 2014)
16. *Under maritime security order (Article 82 of the Self- Defense Force Law) with the authorization of the Prime Minister based on Cabinet approval, on March 13 2009, the MSDF can protect only Japanese-related ships and its rule of engagement is restrained. The use of force is allowed only for emergency evacuation and self-defense (JMOD, 2014)-Under this law, the JMSDF can protect any ship regardless of its nationality and fire gun to stop a suspicious ship. The Law defined piracy as a crime and punishment includes death penalty. The Headquarters for Ocean Policy, established by the 2007 Basic Act on Ocean Policy, played an important role in enacting the Law, coordinating views of relevant ministries and agencies.*
17. Berdasarkan kepada kadar kelahiran bayi pada tahun 2001- 2012, tahun 2010 mencatatkan kadar kelahiran yang paling tinggi iaitu sebanyak 0-4 peratus. Manakala tahun 2011 mencatatkan kadar kelahiran yang paling sedikit iaitu -0.2 peratus. (OECD Factbook statistic- <http://dx.doi.org/10.1787/csp-jpn-table-2013-1-en>)
18. *"Collective self-defense"-which provides that member nations may exercise the rights of both individual and collective self-defense if an armed attack occur (Article 51, UN Charter)*

Rujukan

- Benoist, A. D. (1999). *What is Sovereignty?* [http://www2.congreso.gob.pe/sicr/cendocbib/con2_uibd.nsf/A20317BBCECF9E1E0525770A00586F60/\\$FILE/what.pdf](http://www2.congreso.gob.pe/sicr/cendocbib/con2_uibd.nsf/A20317BBCECF9E1E0525770A00586F60/$FILE/what.pdf) . Dicapai pada 11 September 2012
- Berkofsky, A. (2012). *Japanese Defense and Security Policy and the "National Defense Program Guidelines" (NDPG): Radical Changes or Business as Usual?*. ISPI.

- Chai, S.K. 1997. *Entrenching the Yoshida Defense Doctrine: Three Techniques for Institutionalization. International Organization*. No. 51.(3) . <https://pdfs.semanticscholar.org/6189/13228ae2c39546c6205d0af50d8c27c484c6.pdf>. Dicapai pada 24 Mac 2014
- Chanlett-Avery, E. 2011. *The USA- Japan Alliance*. CRS Publication.
- Choudhry, S. (2013). *India and Japan Begin Joint Naval Exercises*. <http://www.wsj.com/articles/SB10001424052702304367204579267820463465770> . Dicapai pada 10 Desember 2014
- CIA. (2013). *East & Southeast Asia: Japan*. <https://www.cia.gov/library/publications/the-world-factbook/geos/countrytemp>. Dicapai pada 20 Jun 2013
- Cook, M. (2014). *Australia-Japan defence agreement: Normal, not extraordinary*. Lowy Institute.
- Digest. (2013). Defense of Japan. *Defence Force (JMSDF) on a two day visit to India*. <http://indiannavy.nic.in/pressrelease/Admiralkatsutoshikawanochiefstaffjapanmaritimeselfdefenceforcejmsdfvisitsi>. Dicapai pada 10 Dis 2014
- Einhorn, B & Philips, P. 2014. Japan Prepares to Enter the Arms Market. <http://www.businessweek.com/articles/20140501/japanpreparestoenterthearmsmarket>. Dicapai pada 15 Julai 2014
- India Navy. (2013). *Admiral Katsutoshi Kawano, Chief of Staff, Japan Maritime Self*
- India Press. (2014). *India, Japan to 'upgrade' defence cooperation*. <http://indianexpress.com/article/india/indiaothers/Indiajapantoupgradedefencecooperation>. Dicapai pada 10 Dis 2014
- Ishihara, Y. 2014. Japan-Australia Defence Cooperation in the Asia- Pacific Region. Dlm Tow. W & Yoshizaki, T. Beyond the Hub and Spokes Australia-Japan Security Cooperation. ANU-NIDS Joint Research Project
- Japan Ministry of Defense. (2013). *Ministry of Defense and Self-Defense Forces: U.S. forces in Japan related expenses (2013 budget)*. www.mod.go.jp/j/approach/anpo/201106_2plus2/js4_j.html. Dicapai pada 25 Nov 2013.
- Japan Ministry of Defense. (2014). *JMSDF: What is the Japan Maritime Self Defense Force?: Main operations*. <http://www.mod.go.jp/msdf/formal/english/about/operation/index.html>. Dicapai pada 10 Dis 2014.
- Japan National Tourism Organization. (2015). *Japan overview*. <http://www.jnto.go.jp/eng/arrange/essential/overview/index.html#Geography>. Dicapai pada 10 Jan 2015
- Johnston, E. 2014. *Defense firms pushing to boost role Planned F-35 project participation leading to efforts to relax arms export ban*. <http://www.japantimes.co.jp/news/2013/08/12/reference/defensefirmspushingtoboostrole/#.VJJCq1Ueml>. Dicapai pada 18 Dis 2014
- Kenji Isezaki, Profesor Hubungan Antarabangsa/ Pengajian Asia di Tokyo University of Foreign Studies. Temubual telah dijalankan pada 27 Januari 2014 di Fuchu Jepun.
- Koichi Sato. (2014). (Prof Dr) Professor Hubungan Antarabangsa (Asia Timur), J F Oberlin University (Machida) Tokyo. Temu bual, 24 Januari 2014.
- Manyin, M., Cooper. W., Cronin, R. P. & Niksch, L. A. (2005). *Japan-U.S. Relations: Issues for Congress*. Congressional Research Service.
- Ministry of Foreign Affairs of Japan. (2014). *Japan's Foreign Policy to Promote National and Worldwide Interests*. <http://www.mofa.go.jp/policy/other/bluebook/2014/html/chapter3/efforts.html>. Dicapai pada 10 Dis 2014.
- Mizokami, K. (2014). *The Five Most-Powerful Navies on the Planet*. <http://nationalinterest.org/feature/thefivemostpowerfulnaviestheplanet10610?page=show>. Dicapai pada 25 Desember 2014.
- Nanjundeswaraswamy, T. S. & Swamy D. R. (2014). Leadership styles. *Journal of Advance management*. 7(2).
- Pfanner, E. (2014). *Japan Inc. Now Exporting Weapons*. <http://www.wsj.com/articles/japansmilitarycontractorsmakepushinweaponsexports1405879822>. Dicapai pada 10 Dis 2014.

- Ricketts, K. G. (2009). *Behaving Intelligently: Leadership Traits & Characteristics*. University of Kentucky. No.3.
- Sato, H. (2016). *Japan's Arms Export and Defense Production Policy*. CSIS.
- Sekiguchi, T. (2014). *Abe Defends New Japan Defense Policy*. <http://www.wsj.com/articles/abedefendsnewdefensepolicy1405317449>. Dicapai pada 14 Desember 2014.
- Smith, N. (2014). *Japan's Abe Is the World's Best Leader*. Bloomberg View <http://www.bloombergview.com/articles/20140611/japansabeistheworldsbestleader> Dicapai pada 1 Februari 2015.
- Sugai, H. (2016). *Japan's future defense equipment policy*. Brookings: Washington, D.C
- Tang S. M. (2007). Japan's Grand Strategic Shift from Yoshida to Koizumi: Reflections on Japan's Strategic Focus in the 21st Century. *Akademika Journal of Southeast Asia Social Science and Humanities*. 70(1)
- The Liberal Democratic Party of Japan. (2014). *A History of the Liberal Democratic Party: Period of President Koizumi's Leadership*. <https://www.jimin.jp/english/about-ldp/history/104304.html>. Dicapai pada 11 Desember 2015.
- United Nation. (2015). *New and Emerging Forms of Crime: Threats the World Must Reckon with*. 13th United Nations Congress on Crime Prevention and Criminal Justice. http://www.un.org/en/events/crimecongress2015/pdf/Factsheet_5_Emerging_forms_of_crime_EN.pdf. Dicapai pada 13 November 2017.